

**PERATURAN DAN PROSEDUR RAYUAN MENERUSKAN PENGAJIAN (RMP)
SEMESTER SEPTEMBER 2011 – JANUARI 2012 (IJAZAH SARJANA MUDA)**

**TARIKH MULA MEMOHON : 17 JUN 2011
TARIKH TUTUP RAYUAN : 08 JULAI 2011**

1.	Pelajar yang gagal dan diberhentikan atau diberikan status Gugur Taraf pada satu (1) semester sebelumnya boleh membuat rayuan kepada Lembaga Akademik Fakulti/Jawatankuasa Akademik Cawangan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tarikh keputusan peperiksaan diumumkan secara rasmi pada 17 JUN 2011 .
2.	Rayuan perlu dikemukakan kepada Fakulti/UiTM Negeri/UiTM Kampus Cawangan/Pusat Pengajian masing-masing secara bertulis atau menggunakan <i>Borang PRPK 03-02 (Rayuan Meneruskan Pengajian)</i> yang boleh diperolehi di web Student Portal.
3.	Setiap permohonan dikenakan bayaran sebanyak RM50.00 . Bayaran boleh dijelaskan secara tunai di Unit Kewangan Zon 16, UiTM Shah Alam/UiTM Negeri/UiTM Kampus Cawangan/Pusat Pengajian dan sertakan resit bayaran bersama surat/borang permohonan RMP. Bayaran juga boleh dibuat melalui Kiriman Wang/Wang Pos atas nama Bendahari UiTM.
4.	Syarat-syarat rayuan: <i>Peraturan Akademik UiTM (Pindaan 2010) Para 2.26.2 :</i>
	a) Rayuan dibenarkan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian
	b) Bagi kategori gagal dan diberhentikan D1 dan D2 tidak layak membuat rayuan
	c) Bagi kategori gagal dan diberhentikan D3 , HPNG hendaklah sekurang-kurangnya 1.90 .
	d) Bagi kategori gagal dan diberhentikan D4 , HPNG hendaklah sekurang-kurangnya 2.00 .
	e) Bagi kategori gagal dan diberhentikan D5 , HPNG hendaklah sekurang-kurangnya 1.90 .
	f) Bagi kategori gagal dan diberhentikan D6 , HPNG hendaklah sekurang-kurangnya 1.94
	g) Bagi kategori gagal dan diberhentikan D7 , HPNG hendaklah sekurang-kurangnya 1.90 .
	h) Bagi pelajar yang diberikan status Gugur Taraf (GT) HPNG hendaklah sekurang-kurangnya 1.90
	i) Rayuan hanya boleh dibuat oleh pelajar yang gagal dan diberhentikan dalam peperiksaan yang baru satu (1) semester berlalu atau diberikan status Gugur Taraf (GT) pada satu (1) semester yang lalu.
5.	Pelajar D3-D7 yang berjaya dalam Rayuan Meneruskan Pengajian akan menyambung pengajian dalam mod Sepenuh Masa Berlanjut (SML) di mana mereka dikenakan yuran pengajian dengan kadar pengajian separuh masa (PLK) dengan tempoh pengajian separuh masa.
6.	Pelajar yang diluluskan Rayuan Meneruskan Pengajian akan diberi status X1 bagi status D3-D7 atau T1 bagi status GT .
7.	Keputusan yang diumumkan adalah disahkan oleh Senat dan muktamad.

Keputusan RASMI rayuan akan diumumkan pada **5 OGOS 2011** di *student portal UiTM*.

Untuk penerangan lanjut sila hubungi :

- 1) Bahagian Akademik Fakulti/UiTM Negeri/UiTM Kampus Cawangan masing-masing, atau
- 2) Institut Perkembangan Pendidikan (InED) bagi pelajar-pelajar e-PJJ, atau
- 3) Bahagian Pengurusan Rekod Pelajar dan Konvokesyen